

**PENDEKATAN DAKWAH TERHADAP MASYARAKAT MAJMUK
BERDASARKAN KITAB *FIQH DAWLAH* KARYA YUSUF AL-QARADAWI**

**[DAKWAH APPROACH TO A PLURAL SOCIETY BASED ON THE BOOK OF
FIQH DAWLAH BY YUSUF AL-QARADAWI]**

FARIHAH AQILAH MOHD YAINI¹
ABDUL QAHHAR IBRAHIM¹
NOORSAFUAN CHE NOH¹

Abstrak

Artikel ini membincangkan tentang pendekatan dakwah terhadap masyarakat majmuk oleh seorang tokoh pemikir Islam iaitu Yusuf al-Qaradawi. Penulisan ini memberi penekanan terhadap pendekatan dakwah beliau berdasarkan salah sebuah karya agungnya, *Kitab Fiqh Dawlah*. Objektif kajian ini akan melibatkan kepada tiga perbahasan iaitu untuk memaparkan konsep pendekatan dakwah yang umum, latar belakang Yusuf al-Qaradawi dan di samping bertujuan untuk menganalisis pendekatan dakwah terhadap masyarakat majmuk menerusi *Kitab Fiqh Dawlah*. Keseluruhan artikel ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi kajian perpustakaan bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan biografi Yusuf al-Qaradawi dan analisis kandungan dengan mencerakinkan data pendekatan dakwah dalam karyanya, *Kitab Fiqh Dawlah*. Hasil daripada kajian ini telah membuktikan bahawa Yusuf al-Qaradawi telah menggunakan pelbagai pendekatan dakwah terhadap masyarakat majmuk menerusi karyanya, *Kitab Fiqh Dawlah*. Seterusnya, kajian ini juga turut dilaksanakan untuk memberi pendedahan kepada para pendakwah di luar sana untuk menggunakan metode yang sesuai dalam menyampaikan dakwah terhadap kumpulan sasaran.

Kata Kunci: pendekatan, dakwah, masyarakat majmuk, Yusuf al-Qaradawi, *Fiqh Dawlah*.

Abstract

This article discussing the dakwah approach to a plural society by an Islamic thinker, Yusuf al-Qaradawi. The writing are also emphasizes on his dakwah approach based on one of his great works, *Fiqh al-Dawlah*. The objective of this study will involve on three discussion; to display the concept of general dakwah approach, the background of Yusuf al-Qaradawi and in addition are aims to analyze the approach of da'wah to the plural society through the book of *Fiqh al-Dawlah*. The whole article uses qualitative methods through a library research to obtain information related to the biography of Yusuf al-Qaradawi and content analysis by analyzing

¹ Pusat Pengajian Pendidikan, Dakwah dan Peradaban Islam, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.

Corresponding Author:

NOORSAFUAN CHE NOH, Pusat Pengajian Pendidikan, Dakwah dan Peradaban Islam, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.
E-mail: noorsafuancn@unisza.edu.my

the information of da'wah approach on his book, *Fiqh al-Dawlah*. The results of this study have been proven that Yusuf al-Qaradawi are using various da'wah approaches to the plural society through his book, *Fiqh al-Dawlah*. Furthermore, this study are also conducted to provide exposure to the preachers out there to use appropriate methods in conveying the message to the target group.

Keywords: approach, da'wah, plural society, Yusuf al-Qaradawi, *Fiqh Dawlah*.

Cite This Article:

Farihah Aqilah Mohd Yaini, Abdul Qahhar Ibrahim & Noorsafuan Che Noh. (2020). Pendekatan dakwah terhadap masyarakat majmuk berdasarkan kitab *Fiqh Dawlah* karya Yusuf al-Qaradawi. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 2(2), 71-83.

PENGENALAN

Dakwah merupakan satu usaha untuk membawa manusia kepada kebaikan, mencegah kemungkaran dan membimbing manusia untuk beriman kepada Allah SWT yang Maha Esa. Hal yang demikian, setiap Muslim perlu mengambil tanggungjawab untuk menyampaikan dakwah kepada seluruh umat manusia agar menemui jalan yang benar tidak kira apa jua bentuk penyampaian itu dilaksanakan seperti melalui perkataan, perbuatan ataupun penulisan. Seperti mana seorang intelektual Islam yang disanjung dan disayangi oleh masyarakat dunia kini iaitu Yusuf al-Qaradawi telah menggunakan pelbagai medium dakwah dalam menyampaikan dakwahnya. Yusuf al-Qaradawi merupakan pemikir Islam yang tidak asing lagi dan karya-karyanya juga dijadikan panduan kepada kebanyakan masyarakat pada abad ini. Beliau telah banyak menghasilkan karya penulisan yang bermutu tinggi dan salah satu medium beliau dalam menyampaikan dakwah. Antara karya yang dapat memberi sumbangan kepada masyarakat dalam aspek kenegaraan adalah kitab *fiqh dawlah*. Justeru itu, artikel ini akan cuba merungkaikan dan menganalisis pendekatan dakwah terhadap masyarakat majmuk berdasarkan salah satu karya penulisannya, kitab *fiqh dawlah*.

PENDEKATAN DAKWAH

Pendekatan dakwah merupakan dua perkataan iaitu pendekatan dan dakwah. Pendekatan berasal daripada perkataan dekat yang membawa maksud cara, kaedah dan langkah-langkah yang diambil bagi memulakan sesuatu atau mengatasi sesebuah masalah. Manakala, dakwah pula berasal daripada perkataan Arab iaitu *da'a*, *yad'u* dan *da'watan* yang bermaksud memanggil, mengajak, menyeru, menjemput, menyampaikan dan mendorong (Nasrudin Sidi, 2010). Berdasarkan makna tersebut dapat dirumuskan bahawa pendekatan bahawa bermaksud metode atau cara yang sesuai untuk digunakan dalam melaksanakan dakwah untuk menyeru dan mempengaruhi sasaran supaya menerima ajaran Islam yang disampaikan dan seterusnya mempraktikkannya dalam kehidupan nyata. Secara umumnya, pendekatan dakwah melibatkan pemilihan isi dakwah, pemilihan bentuk gaya persembahan, pemilihan sudut strategi, pemilihan bentuk tarikan dan pemilihan saluran mengikut kesesuaian keadaan sasaran. Oleh itu, suatu

usaha dakwah yang dilaksanakan tanpa pendekatan sesuai boleh mengakibatkan usaha dakwah yang disampaikan tidak berkesan dan akan memberi kesan yang negatif kepada sasaran.

‘Abd al-‘Aziz Barghus (2005), berpendapat pendekatan dakwah memberi pertolongan dan menjamin kehendak asas pendakwah dengan dua sebab. Pertama, usaha dakwah yang dilaksanakan tanpa pendekatan dan metode dakwah sesuai akan menyebabkan pendakwah sukar mencapai tujuan dakwah sebenar serta usaha pendakwah akan berakhir dengan kegagalan dan sasaran akan lari daripada seruan. Kedua, pendakwah dapat mengorganisasikan dakwahnya secara bersistematik, menyebabkan pendakwah dapat melaksanakan dakwahnya dengan berkesan. Ini kerana pendakwah ini telah mengenal pasti keadaan sasaran dengan baik dan seterusnya dapat menggunakan pendekatan yang sesuai kepada sasaran sehingga menyebabkan usaha dakwah mencapai tujuan dan objektif.

MASYARAKAT MAJMUK

Masyarakat dalam konteks kehidupan manusia ialah sekelompok orang yang membentuk sebuah sistem interaksi sosial di mana sebahagian besar interaksi itu berlaku dalam lingkungan sistem sosial. Majmuk pula berasal dari perkataan bahasa Arab iaitu *majmu* ‘ yang bermaksud dihimpunkan atau yang terkumpul (Shamsul Amri Baharuddin, 2012; Mohd Anuar Ramli, et al. 2011). Berdasarkan pengertian tersebut, masyarakat majmuk membawa maksud masyarakat yang pelbagai kaum yang merujuk kepada kepelbagaian bangsa yang bersama-sama atau berkongsi hidup yang tinggal dalam sebuah negara yang sama. Secara umumnya, kepelbagaian dalam masyarakat majmuk merangkumi kepelbagaian agama, kaum, budaya, undang-undang, bahasa, sejarah, keupayaan manusia dan sebagainya. Kepelbagaian manusia ini tidak menghalang seseorang bergaul sesama manusia tidak kira berbeza agama, budaya dan bangsa.

ASAS PENDEKATAN DAKWAH

Nasrudin Sidi (2010) menyatakan bahawa Allah SWT telah memberikan panduan kepada Rasulullah SAW dan umatnya mengenai asas pendekatan atau metode dakwah yang sesuai untuk digunakan apabila menyampaikan dan menyebarkan dakwah. Ia berteraskan kepada tiga asas utama iaitu pendekatan *al-hikmah*, *al-maw’izah al-hasanah* dan *al-mujadalah*.

Firman Allah Taala dalam Surah an-Nahl 16, ayat 125: Maksudnya: Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; dan sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

Berdasarkan ayat al-Quran di atas dapat dirumuskan bahawa pendekatan dakwah meliputi tiga asas yang utama untuk para pendakwah pilih mengikut kesesuaian dengan keadaan tempat, budaya, sasaran dakwah dan sebagainya. Walaubagaimanapun, terdapat banyak lagi pendekatan-pendekatan yang dapat diketengahkan oleh para pendakwah untuk menyampaikan dakwah kepada sasaran dakwah mengikut kesesuaian yang tersendiri.

Biografi Ringkas Yusuf al-Qaradawi

Nama sebenar beliau adalah Yusuf bin ‘Abd Allah bin ‘Ali bin Yusuf yang kini dikenali sebagai Yusuf al-Qaradawi. Al-Qaradawi merupakan nama keluarga yang diambil daripada sebuah daerah yang bernama al-Qaradah dan dinisbahkan kepada keturunannya. Beliau merupakan seorang tokoh ulama yang terkenal dan amat terpengaruh pada abad ini di samping sebagai seorang pemikir, sarjana dan intelek kontemporari yang tidak asing lagi di dunia Islam (Mohd Rumaizuddin, 2013).

Yusuf al-Qaradawi dilahirkan pada 9 September 1926 bersamaan 1344H di sebuah perkampungan Desa Saft Turab, Marhallah al-Kubra, Gharbiah, Mesir. Beliau merupakan anak daripada isteri kedua ayahnya setelah ayahnya berpisah dengan isteri pertama kerana tidak memperolehi cahaya mata dan ibunya pernah berkahwin namun berpisah kerana suami ibunya seorang peminum arak dan selalu balik lewat malam dalam keadaan mabuk. Ayah beliau yang bernama ‘Abd Allah bin ‘Ali telah meninggal dunia ketika Yusuf al-Qaradawi berusia dua tahun dan manakala ibu beliau meninggal ketika beliau melonjak usia 15 tahun. Kemudian beliau tinggal bersama-sama dengan bapa saudaranya yang bernama Ahmad bin ‘Ali (Mohamad Ramdan Habibi, 2013).

Yusuf al-Qaradawi memiliki kebijaksanaan luar biasa sehingga menampilkan beliau sebagai seorang tokoh muftabar dan menjadi panduan kepada seluruh dunia Islam. Beliau mewakili lulusan al-Azhar sekali gus cendekiawan yang berjaya menjelajah dunia menelusuri pengembaraan ilmiah dari Amerika hingga ke China dan Jepun. Beliau telah membentangkan banyak kertas kerja dan berjaya menghasilkan buku yang berjumlah ratusan buah dalam pelbagai tajuk yang menyentuh pelbagai isu seperti *fiqh dawlah* (kenegaraan), *fiqh minoriti* hubungan masyarakat Muslim dengan bukan Muslim *fiqh zakat* dan *fiqh jihad*.

Pendidikan

Ketika berusia lima tahun, Yusuf al-Qaradawi dihantar ke *Kuttab* di kampungnya untuk menghafaz al-Quran kemudian beliau memasuki sekolah rendah yang bernama *Madrasah Ilzamiyyah* apabila beliau telah menjangkau usia tujuh tahun. Di sekolah tersebut, beliau mempelajari ilmu pengetahuan umum seperti matematik, sejarah, kesihatan dan lain-lain. Semenjak kecil lagi, beliau mengikuti dua sesi pembelajaran yang mana sesi sebelah pagi mendapat pendidikan formal melalui sekolah kerajaan manakala di sebelah petang pula belajar pendidikan agama (Mohd Rumaizuddin Ghazali, 2013).

Setelah tamat pengajiannya di Sekolah Rendah al-Ilzamiyyah, beliau melanjutkan pelajaran ke Maahad Rendah Tanta (*Madrasah Ibtida'ittah*) selama empat tahun dan di Maahad Menengah (*Madrasah Thanawiyyah*) selama lima tahun yang merupakan Maahad di bawah penguasaan al-Azhar. Pada mulanya, bapa saudara beliau enggan menghantar beliau ke sekolah tersebut kerana ia memakan masa yang lama apatah lagi banyak graduannya yang menganggur ketika itu. Namun bapa saudara beliau mengizinkan melanjutkan pelajaran setelah seorang syeikh datang melawat kampung Desa *Saft Turab* lalu menyarankan kepada bapa saudara beliau supaya menghantar Yusuf al-Qaradawi ke al-Azhar (Mohd Rumaizuddin Ghazali, 2009).

Bermula di al-Azhar, kehidupan beliau berubah dan menjadi salah seorang pelajar di Maahad Agama Thanta dengan memakai pakaian rasmi al-Azhar. Pendidikan yang beliau

tempuhi sangat singkat dan prestasinya sangat cemerlang. Kecerdasannya mulai kelihatan ketika beliau berhasil menyelesaikan pengajiannya di Fakulti Usuluddin al-Azhar dengan keputusan yang sangat cemerlang. Kemudian beliau melanjutkan pendidikan dalam bidang Bahasa Arab selama dua bulan. Di situ, beliau memperoleh ijazah sarjana dan diploma pendidikan dengan pangkat pertama daripada lima ratus mahasiswa (Riski Alwis, 2015).

Pada tahun 1957, beliau menyambung pelajarannya ke Akademi Kajian Bahasa Arab Tinggi yang dikawal oleh Liga Arab sehingga memperoleh diploma Bahasa Arab dan Sastra. Dalam waktu yang sama, Yusuf al-Qaradawi mendaftar sebagai calon ijazah tinggi Fakulti Usuluddin dalam bidang tafsir dan hadith kemudian menamatkan pengajian pada tahun 1960. Kemudian, beliau menyiapkan diri untuk mendapatkan Ph.D dalam fiqh al-zakat yang diwajibkan untuk diselesaikan dalam masa dua tahun. Oleh kerana keadaan politik Mesir tidak aman ketika itu, beliau terpaksa menangguhkan pengajiannya selama 13 tahun. Akhirnya pada tahun 1973, beliau berhasil memperoleh ijazah Ph.D lalu tesisnya mendapat pujian dan menjadi kebanggaan ulama termasuk al-Mawdudi dan Muhammad Mubarak (Mohamad Ramdan, 2013).

Penulisan dan Karya

Seperti tokoh-tokoh ilmuwan Islam lain, Yusuf al-Qaradawi juga merupakan ilmuwan yang menguasai pelbagai cabang ilmu dan juga seorang pengarang yang sangat produktif. Terdapat banyak karya-karya yang berbentuk buku dan artikel yang telah beliau hasilkan. Walaupun keadaan beliau sangat sibuk, beliau sempat menulis sehingga kini, lebih daripada 120 buah buku yang telah terhasil dalam pelbagai bidang ilmu seperti akidah, sumber hukum Islam iaitu al-Quran dan as-Sunnah, usul al-fiqh, bidang ibadat, hal ehwal wanita dan kekeluargaan, kemasyarakatan, ekonomi dan kewangan, perubatan, politik dan pemerintahan. Dikatakan bahawa, beliau menghabiskan masanya di perpustakaan rumahnya selama 14 jam untuk menelaah dan menulis (Zulkifli Hasan, 2013). Beliau juga turut aktif dalam memberikan dan menyampaikan dakwah di seluruh seantero dunia serta turut membentangkan hasil kerja di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa.

Karya-karya penulisan ilmiah yang telah dihasilkan oleh beliau sudah menjadi rujukan orang ramai sehingga kini serta karyanya amat bermutu tinggi dan tidak diragui sama sekali. Lantaran itu, karya penulisan beliau telah diulang cetak beberapa kali kerana orang ramai sangat minat akan penulisan ilmiahnya. Ishom Talimah (1999), telah menyenaraikan beberapa karya penulisan yang terhebat oleh Yusuf al-Qaradawi, antaranya seperti berikut:

1. Bidang Fiqh dan Usul Fiqh
 - a. *Al-Halal wa al-Haram fil-Islam*
 - b. *Fatawa Mu'ashirah juz 1, 2 dan 3*
 - c. *Tasyir al-Fiqh: Fiqh Shiyam*
 - d. *Al-Ijtihad fisy-Syari'ah al-Islamiyyah*
 - e. *Madkhal li Dirasat al-Syariah al-Islamiyyah*
 - f. *Min Fiqh Dawlah fil-Islam*

2. Bidang Ekonomi Islam
 - a. *Fiqhuz-Zakat juz 1 dan 2*
 - b. *Musykilat al-Faqr wa Kaifa 'Alajaha al-Islam*
 - c. *Bai'al Murabahah lil-Amir bisy-Syira'*
 - d. *Fawaidul-Bunuk Hiya ar-Riba al-Haram*
 - e. *Daurul-Qiyam wa al-Akhlaq fil-Iqtishad al-Islami*

3. Bidang Ulum al-Quran dan al-Sunnah
 - a. *Tafsir Surah ar-Ra'd*
 - b. *Ash-Shabru wa al-'Ilmu fil-Quran al-Karem*
 - c. *Al-'Aqlu wa al-'Ilmu fil-Quran al-Karem*
 - d. *As-Sunnah Mashdar lil-Ma'rifah wal-Hadharah*
 - e. *Nahwa Mausuh lil-Hadith an Nabawi*

4. Bidang Akidah
 - a. *Al-Iman wa al-Hayat*
 - b. *Al-Iman bil-Qadar*
 - c. *Wujudullah*
 - d. *Haqiqat at-Tauhid*

5. Bidang Dakwah dan Tarbiyyah
 - a. *Tsaqafat ad-Daiyyah*
 - b. *Ar-Rasul wa al-'Ilmu*
 - c. *At-Tarbiyyah al-Islamiyyah wa Madrasatu Hasan al-Banna*
 - d. *Al-Waqru fi Hayat al-Muslim*

6. Bidang Gerakan dan Kebangkitan Islam
 - a. *Fi Fiqh al-Awlawiyyat*
 - b. *Ummatuna bainal-Qarnayn*
 - c. *An-Naas wa al-Haq*
 - d. *Jailun-Nashr al-Mansyud*

Terdapat banyak lagi karya penulisan Yusuf al-Qaradawi dalam bidang tertentu yang belum disebutkan seperti bidang fiqh perilaku, penyatuan pemikiran Islam, pengetahuan Islam yang umum bidang sastra dan sebagainya. Karya penulisan beliau juga telah hampir kesemuanya diterjemahkan ke dalam bahasa melayu seperti *Fiqh Zakat*, *Fiqh Memahami Keutamaan*, *Bagaimana Berinteraksi dengan al-Sunnah*, *Harakah Islamiyyah Satu Tuntutan Kebangunan Islam di antara Tantangan dan Ekstrimisme*, *Kritik dan Saran untuk Para Da'i Pasang Surut Gerakan Islam*, *Detik-detik Masa dalam Kehidupan Muslim*, *Gejala Kafir*

Mengkafir, Di Manakah Kepincangan Umat, Ibadah Dalam Islam, Membangunkan Ummah Suatu Kenyataan bukan Khayalan, Kebangkitan Gerakan Islam dari Masa Transisi Menuju Kematangan, Agama dan Politik, dan Rukun Dakwah Ikhwanul Muslimun (Zulkifli Hasan, 2013).

Kitab *Fiqh Dawlah*

Kitab *Fiqh Dawlah* merupakan kitab kenegaraan yang ditulis oleh Yusuf al-Qaradawi. Kitab ini membicarakan secara terperinci mengenai ilmu kenegaraan mengikut perspektif syariah yang mana mempunyai lima bab keseluruhannya. Dalam lima bab yang terkandung dalam kitab *fiqh dawlah* telah merangkumi kesemua aspek seperti kewujudan politik di dalam Islam, cabaran pemisahan Islam dan politik, perbincangan tentang daulah Islam, konsep asas pemerintahan Islam, hak wanita sebagai pemimpin dan ahli politik, hak bukan Islam di dalam pemerintahan Islam, demokrasi dalam Islam, sikap Islam terhadap pilihanraya, demonstrasi dan parlimen dan kepelbagaian jemaah. Kesemua aspek ini merupakan realiti yang dihadapi dan dilalui oleh umat Islam (Zulkifli Hasan, 2013). Melalui kitab *fiqh dawlah* ini juga dapat memberi garis panduan kepada masyarakat dengan membicarakan prinsip-prinsip kenegaraan menurut Islam agar dapat mengelakkan masyarakat daripada kekeliruan tentang perkara-perkara yang melibatkan politik.

PENDEKATAN DAKWAH TERHADAP MASYARAKAT MAJMUK

Yusuf al-Qaradawi telah menerapkan beberapa pendekatan dakwah terhadap masyarakat tidak kira Muslim mahupun non-Muslim menerusi karya penulisannya, kitab *fiqh dawlah*. Di sini penulis akan mengemukakan beberapa pendekatan dakwah yang sesuai terhadap masyarakat majmuk yang terdapat dalam kitab *fiqh dawlah*. Antaranya seperti berikut:

a. Dakwah *bi al-hikmah*

Al-Bayanuni (1993) telah menyebut perkataan *al-hikmah* dari sudut bahasa mempunyai pelbagai makna iaitu keadilan, kesabaran, kebijaksanaan, kenabian, al-Quran, Injil dan Sunnah. Dakwah *bi al-hikmah* ini terserlah dalam kitab *fiqh dawlah* apabila Yusuf al-Qaradawi menyatakan berkaitan dengan ilmu seperti mana berikut: “Sesungguhnya ilmu, hikmah kebijaksanaan dan keunggulan tidak semestinya boleh diwarisi. Berapa banyak kita dapati bapa-bapa yang salih sedangkan anak-anak mereka rosak.” (al-Qaradawi 35)

Berdasarkan petikan di atas dapat dijelaskan bahawa ilmu itu tidak dapat diwarisi oleh seorang bapa yang soleh seperti mana yang diketahui oleh masyarakat umum bahawa imam tidak dapat diwarisi oleh ayah yang bertakwa. Lantaran itu, seseorang individu mahupun masyarakat semestinya menuntut atau mencari ilmu di mana jua kerana dengan adanya ilmu pengetahuan yang cukup dapat melahirkan generasi masyarakat yang disiplin, bijak dan bertanggungjawab. Selain itu, seseorang individu atau masyarakat yang berilmu lalu beramal dengan ilmu yang diperolehinya dapat mengelakkan mereka daripada melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh Tuhan.

Seterusnya, dakwah bil *al-hikmah* yang telah digunakan oleh Yusuf al-Qaradawi ketikan mana, beliau mengatakan bahawa setiap manusia diwajibkan ke atasnya untuk berhukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah SWT. Seperti mana petikan di bawah: “Saya suka untuk menyatakan satu perkara yang penting di sini iaitu: Sesungguhnya apa yang diturunkan oleh Allah tidak terhad pada nas-nas yang dibawa oleh al-Quran sahaja. Bahkan ia meliputi *al-‘adl* (keadilan) yang dibawa oleh al-Mizan (pertimbangan hukuman). Keduanya adalah diturunkan oleh Allah SWT.” (*Fiqh Dawlah*, hlm:137)

Berhukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah itu bukan hanya sekadar yang telah dibawa oleh al-Quran semata-mata. Namun, keadilan juga merupakan perkara yang diturunkan oleh Allah supaya masyarakat dapat menjalankan sesuatu perkara itu dengan adil dan saksama. Allah menyarankan sebegitu rupa agar masyarakat tidak melakukan penindasan terhadap golongan yang lemah lagi tidak terpedaya. Menurut H. Muchammad Ichsan, et.al (2005) mengatakan bahawa hukum yang telah diturunkan oleh Allah bukan dibuat dengan sia-sia tetapi dibuat untuk suatu tujuan. Tujuannya adalah untuk kemaslahatan atau kebaikan atau kebajikan kepada hamba-hambaNya di dunia dan akhirat.

b. Dakwah *bi al-Maw‘izah al-Hasanah*

Menurut Imam al-Ghazali istilah *maw‘izah al-hasanah* adalah beberapa pengajaran dan nasihat yang berdasarkan kepada apa yang terkandung di dalam al-Quran dan aspek perkhawaran yang menggembirakan dan ancaman yang menakutkan kemudian disertai dengan kesabaran dan keikhlasan dan nasihat yang diberikan (Zainal, N.A.S & Mustari, M.I, 2012). Penulis juga dapat menemui dakwah *bil maw‘izah al-hasanah* yang telah digunakan oleh Yusuf al-Qaradawi dalam beberapa keadaan seperti berikut: “Tabiat Islam sebagai manhaj yang mahu memerintah, memimpin, menentukan hala tuju kehidupan, memerintah masyarakat, mengatur perjalanan hidup manusia menurut perintah-perintah Allah, maka jangan disangkakan bahawa ianya hanya cukup dengan ceramah, peringatan dan nasihat yang baik. Tidak boleh hanya menyerahkan hukum, pesanan, nasihat dan ajarannya dalam pelbagai sudut kehidupan kepada hati anggota masyarakat sahaja.” (*Fiqh Dawlah*, hlm: 11)

Menerusi petikan di atas, Yusuf al-Qaradawi memberi pesanan atau nasihat kepada masyarakat tentang bukan hanya sekadar ceramah, peringatan dan nasihat yang baik dapat membentuk seseorang individu atau masyarakat itu ke arah kebaikan. Hal yang demikian kerana ia hanya fokus kepada anggota masyarakat sahaja lalu sekiranya hati-hati tersebut rosak atau mati maka hukum dan ajaran yang telah dipelajari akan turut hilang. Dengan itu, disarankan kepada semua masyarakat agar mempraktikkan atau amalkan apa yang telah diajar berdasarkan ajaran yang telah disampaikan kerana tanpa praktik dan beramal tidak ada faedah kepada seseorang individu mahupun masyarakat.

Selain itu, Yusuf al-Qaradawi memberi nasihat ketika mana seseorang individu non-Muslim ingin mencalonkan diri dalam parlimen. Penjelasan tersebut telah dibahas oleh beliau menerusi kitab *fiqh dawlah*. Antaranya: “Menjadi wakil daripada sebahagian rakyat bagi kawasan tertentu ataupun menduduki kerusi mewakili mereka tidak dianggap sebagai termasuk Bab *Imarah* ataupun Wilayah yang dicela oleh hadis yang mulia mereka yang meminta ataupun berusaha memperolehinya. Wakil Rakyat bukanlah Pemerintah, Menteri ataupun Gabenor, bahkan dia mewakili kawasannya di dalam Dewan ini yang bertugas menilai para Pemerintah, Menteri dan Gabenor .” (*Fiqh Dawlah*, hlm: 17).

Berdasarkan petikan tersebut, beliau menasihati kepada masyarakat terutama umat Islam bahawasanya sekiranya seseorang individu tersebut golongan non-Muslim, dibenarkan untuk mencalonkan diri menjadi wakil rakyat dalam parlimen kerana ia tidak berkait langsung dengan pencalonan dalam pemerintah, menteri mahupun gabenor. Lantaran itu, berbuat baik dan berlaku adil terhadap mereka dengan memberikan mereka wakil di dalam Dewan Parlimen agar mereka tidak merasakan mereka dipinggirkan dan terasing daripada teman senegara mereka. Menurut Mohamad Ramadan Habibi (2013) telah menyatakan dalam tesis beliau yang mana orang bukan Islam menjadi ahli parlimen di sebuah negara Islam tidak ada satu pun ketentuan syariah yang melarangnya selagi majoriti anggota parlimen terdiri dari orang-orang Muslim. Perwakilan non-Muslim hanya terbatas pada perwakilan yang mewakili kawasannya di parlimen dan hanya berperanan mengawasi para menteri dan kerani kerajaan sahaja.

c. Dakwah *bi al-Mujadalah*

Al-Mujadalah merupakan perkataan yang diambil daripada bahasa Arab yang memberi makna suatu ilmu perdebatan atau diskusi yang mana berdialog dengan cara yang lemah lembut tanpa kekerasan untuk mengalahkan pihak lawan (Sri Maullasari, 2018). Pendekatan dakwah *bil al-mujadalah* ini juga diterapkan oleh Yusuf al-Qaradawi menerusi kitab *fiqh dawlah* ketika mana ulama Afghanistan telah menyatakan pendapatnya bahawa keterlibatan wanita dalam politik. Ulama Afghanistan menyatakan seperti berikut: "...ulama Afghanistan yang merupakan para pahlawan yang memimpin jihad dengan semangat yang tinggi, ikhlas dan kukuh. Mereka berpandangan bahawa pendidikan wanita adalah haram, menggunakan jalan pilihannya untuk memilih wakil rakyat ataupun Presiden adalah haram, menetapkan tempoh Presiden adalah haram dan pendapat bahawa pandangan syura itu adalah suatu kewajipan adalah haram." (*Fiqh Dawlah*, hlm: 101)

Petikan di atas telah diperdebatkan oleh Yusuf al-Qaradawi di mana beliau mengatakan bahawa segelintir masyarakat yang menganggap golongan wanita menggunakan jalan pilihanraya untuk memilih wakil rakyat adalah haram kerana seorang wanita tidak boleh keluar rumah kecuali untuk suatu keperluan yang sangat penting dengan berhujahkan satu dalil al-Quran dalam surah al-Ahzab ayat 33 yang bermaksud "Dan hendaklah kalian tetap di rumah kalian. Dan janganlah bersolek sebagaimana dandanan wanita jahiliyyah". Daripada ayat tersebut, beliau menjelaskan bahawa ayat tersebut hanya khusus buat isteri-isteri Nabi Muhammad SAW sahaja tetapi tetap saja Saidatina Aisyah keluar dari rumah dan ikut perang Jamal iaitu menuntut balas atas terbunuhnya Saidina Uthman bin Affan (Mohamad Ramadan Habibi, 2013). Menurut Mohd Roslan dan Siti Zafrina (2012), memandang politik masa kini berhadapan dengan pelbagai perkara yang semakin maju, penyertaan wanita dalam politik perlu bagi memahami keperluan mereka yang mungkin tidak difahami oleh lelaki. Jadi *masalah* masyarakat dan politik semasa adalah lebih mustahak serta pengurangan wanita dalam rumah ini berlaku sebelum kemantapan Islam.

d. Dakwah *bi al-Qalam*

Dakwah *bil qalam* ialah mengajak manusia dengan cara bijaksana kepada jalan yang benar menurut perintah Allah SWT melalui seni tulisan. Menurut al-Qurtubi menyatakan bahawa *qalam* adalah sebuah alat untuk merangkai tulisan lalu berkembang menjadi alat cetak mencetak

(Mukh. Khaidar Ali, 2017). Yusuf al-Qaradawi banyak menggunakan pendekatan ini yang mana dapat diketahui umum bahawa beliau telah menghasilkan beratusan karya penulisan. Pendekatan ini juga telah diterapkan dalam kitab *fiqh dawlah* sepertimana berikut: “Saya telah menganalisa perkara ini dalam buku saya yang berjudul *al-Shahwah al-Islamiyyah wa Humum al-Wathanain al-‘Arabi wa al-Islami* (Kebangkitan Islam dan Permasalahan Negara Arab dan Islam).” (*Fiqh Dawlah*, hlm: 207)

Yusuf al-Qaradawi sentiasa mengambil berat tentang masalah kebangkitan Islam yang telah menjadi isu utama dalam penulisan beliau lantaran kepentingan masa kini serta masa depan umat Islam. Lantaran itu, beliau menghasilkan kitab *al-Shahwah al-Islamiyyah wa Humum al-Wathanain al-‘Arabi wa al-Islami* untuk memperkenalkan kepada masyarakat tentang sejarah kebangkitan Islam dan permasalahan negara dan Islam. Beliau mengatakan bahawa kebangkitan Islam perlu mempunyai kematangan dan anjakan paradigma ke arah yang lebih baik (Mohd Rumaizuddin, 2013). Dalam kitab tersebut juga telah membahaskan berkaitan dengan demokrasi yang mana segelintir masyarakat menganggap bahawa demokrasi ini akan mendatangkan sesuatu yang negatif buat mereka seperti berlakunya pergaduhan sesama mereka sendiri.

e. Dakwah *bi al-Amr bi al-Ma‘ruf wa Nahy ‘an al-Munkar*

Perkataan *al-amru bil ma‘ruf wa nahyu ‘anil munkar* bermaksud perilaku seseorang untuk menyuruh lakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran atau kejahatan (Tata Sukayat, 2009). Pendekatan ini juga sesuai untuk menyampaikan dakwah kepada masyarakat majmuk dalam mencari kebenaran yang hakiki. Penulis dapati bahawa Yusuf al-Qaradawi juga mengetengahkan pendekatan dakwah *amru bil ma‘ruf wa nahyu ‘anil munkar* sepertimana berikut: “Menjadi hak manusia di dalam Islam bahkan suatu kewajipan mereka untuk menasihati pemerintahan dan membetulkannya sekiranya dia menyeleweng, menyuruhnya dengan makruf dan melarangnya daripada kemungkaran. Pemerintah merupakan manusia biasa (salah seorang insan Muslim) yang bukannya terlalu agung untuk dinasihati dan diperintah. Umat Islam pula bukanlah terlalu kerdil untuk menasihati dan memerintah.” (*Fiqh Dawlah*, hlm: 212)

Petikan di atas telah menunjukkan bahawa Yusuf al-Qaradawi menyarankan kepada seluruh manusia tidak kira tua, muda, kaya atau miskin untuk menyeru melakukan kebaikan dan mencegah kepada kemungkaran yang berlaku di depan mata dan sekeliling manusia. Seseorang masyarakat itu bukan dituntut sekadar melihat atau menyaksikan sahaja kemungkaran tidak kira kemungkaran itu berbentuk politik, ekonomi, sosial dan sebagainya yang berlaku di depan mata. Namun, ia merupakan satu kewajipan ke atas setiap manusia untuk mencegah kemungkaran tersebut melalui tiga cara iaitu mengubah dengan menggunakan tangan, lidah atau hati seperti mana Rasulullah SAW pernah bersabda:

مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ، وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانِ

Maksud: Sesiapa di kalangan kamu melihat kemungkaran maka hendaklah dia mengubahnya dengan tangan, sekiranya dia tidak mampu maka dengan lidah,

sekiranya tidak mampu maka dengan hatinya dan itu adalah selemah-lemah iman. (Riwayat Muslim)

f. Dakwah *bi al-Tabsyir wa Tandzir*

Menurut Tata Sukayat (2009), *tabsyir* adalah penyampaian dakwah dengan cara memberikan berita gembira dan menjelaskan ganjaran-ganjaran pahala untuk menarik serta mendorong sasaran agar optimisme dalam menghadapi kehidupan. *Tandzir* pula dimaksudkan dengan menyampaikan dakwah dengan cara memberi peringatan, ancaman dan berita yang menakutkan supaya sasaran menjauhi setiap perkara yang dilarang dan dibenci oleh Allah SWT. “Ini telah menjadikan tali barut Barat dan hamba pemikirannya berusaha menghalang mengasingkan fajar ataupun terbitnya matahari. Mereka berusaha memutarakan roda sejarah ke belakang, kembali kepada zaman penjajahan agar mereka dapat bersorak semula bahawa: Tiada agama dalam politik! Mereka mahu menghidupkan semula bangkai yang telah kita hapuskan semenjak separuh kurun.” (*Fiqh Dawlah*, hlm: 19)

Petikan yang telah dinyatakan di atas menunjukkan bahawa Yusuf al-Qaradawi memberi amaran bahawa pemikiran Barat telah membawa satu ideologi yang mengatakan bahawa politik dan agama merupakan suatu yang berlainan yang dinamakan sebagai sekularisme. Menurut Ridwan (2017), politik adalah ilmu pemerintahan atau ilmu *siyasah* iaitu ilmu tata negara. Pengertian dan konsep politik atau *siyasah* dalam Islam berbeza dengan pengertian dan konsep yang digunakan oleh orang-orang bukan Islam. Politik dalam Islam menjuruskan kegiatan umat kepada usaha untuk mendukung dan melaksanakan syariat Allah melalui sistem kenegaraan dan pemerintahan. Ia merupakan sistem peradaban yang lengkap yang mencakup agama dan negara secara bersamaan. Dengan itu, agama dan politik tidak dapat dipisahkan karena agama tanpa politik akan melahirkan terbelenggunya kaum Muslimin yang tidak mempunyai kebebasan dan kemerdekaan melaksanakan syariat Islam. Begitu juga politik tanpa Islam hanya akan melahirkan masyarakat yang mengagungkan kekuasaan, jabatan, bahan dan duniawi saja, kosong dari aspek moral dan spiritual.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, penulis dapat simpulkan bahawa setiap manusia yang bergelar sebagai Muslim jangan terlalu hanya berharap kepada para pendakwah semata-mata dalam menyampaikan syariat Allah SWT. Namun, setiap Muslim yang berada di atas muka bumi ini bertanggungjawab memikul amanah sebagai khalifah di muka bumi. Risalah Allah SWT bukan hanya untuk umat Muslim sahaja tetapi juga untuk golongan yang non-Muslim kerana risalah yang telah ditegaskan dalam al-Quran surah Saba' ayat 28 yang bermaksud “Dan tiadalah Kami mengutusmu (wahai Muhammad) melainkan untuk umat manusia seluruhnya, sebagai Rasul pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman), dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar) akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (hakikat itu)”. Perkataan “manusia” dalam ayat tersebut bersifat umum yang merangkumi semua masyarakat tidak kira berbeza agama, bangsa mahupun budaya.

Selain itu, kajian membuktikan seorang tokoh yang dikenali oleh ramai masyarakat iaitu Yusuf al-Qaradawi yang merupakan pemikir Islam kontemporari di abad ini telah

menyampaikan dakwahnya kepada masyarakat majmuk dalam pelbagai pendekatan dakwah menerusi kitab *fiqh dawlah* yang mana membahaskan berkaitan dengan kenegaraan mengikut perspektif syariah Islam. Dengan penggunaan analisis kandungan, penulis menemui beberapa pendekatan dakwah yang telah Yusuf al-Qaradawi gunakan iaitu pendekatan dakwah *al-hikmah*, *al-maw'izah al-hasanah*, *al-mujadalah*, *bil qalam*, *bil amr bil ma'aruf wa nahyu* 'anil munkar dan *bil tabsyir wa tandzir*.

Rujukan

- Abd. Al-Aziz Barghus. 2005. *Manahij al-Dakwah fi al-Mujtama al-Muta'addid al-Aydan wa al-Ajnas*. Kuala Lumpur: Research Centre UIAM.
- H. Muchammad Ichsan, Lc, MA. 2005. *Penghantar Hukum Islam*. Yogyakarta: Universitas Muhammadiyah.
- Ishom Talimah. 1999. *Manhaj Fikih Yusuf al-Qaradawi*. Jakarta: Pustaka Al-Kautsar
- Mohamad Ramadan Habibi. 2013. Pengaruh fatwa Yusuf al-Qaradawi terhadap Fatwa berkaitan Politik Dewan Syariah Pusat Partai Keadilan Sejahtera (PKS) di Indonesia, Disertasi Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Malaya.
- Mohd Anuar Ramli, Mohammad Aizat Jamaludin. 2011. 'Uruf Majmuk: Konsep dan Amalannya dalam Masyarakat Majmuk di Malaysia, *Jurnal Fiqh* 8: 45-64.
- Mohd Roslan Mohd Nor, Siti Zafrina Mohd Zahari. 2012. Wanita dan Politik Pilihan Raya Menurut Perspektif Al-Quran. *Proceedings: The 2th Annual Internasional Qur'aniz Conference*. hlm. 358-374.
- Mohd Rumaizuddin Ghazali. 2013. *Yusuf al-Qaradawi dan Pengaruhnya dalam Masyarakat Islam di Malaysia*. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohd Rumaizuddin Ghazali. 2009. *10 Tokoh Sarjana Islam Paling Berpengaruh*. Selangor: Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Muhammad Abu al-Fath al-Bayanuni. 1993. *Al-Madkhal Ila Ilm Ad-Da'wah Mu'assasat Al-Risalah*. Beirut.
- Mukh. Khaidar Ali. 2017. *Dakwah Bil Qalam Ustaz Ismail Idris Musthafa Di Nusantara*. Skripsi Sarjana, Jurusan Komunikasi, Universiti Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya.
- Nasrudin Sidi. 2010. *Pendekatan Dakwah Ismail Lutfi Japakiya: Kajian Tentang Tarikan Dakwahnya Di Selatan Thailand*. Tesis Sarjana, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Universiti Malaya.
- Nor Amin Sayani Zainal, Mohd Ismail Mustari. 2012. Penerapan Metode Dakwah di dalam Melaksanakan Proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) di Dalam dan Luar Bilik Darjah. *Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam*. hlm: 51-69.
- Ridwan. 2017. Hubungan Islam dan politik di Indonesia Perspektif Pemikiran Hassan al-Banna. *Jurnal Hukum: Samudra Keadilan*. 12(2): 223-236.
- Riski Alwis. 2015. *Biografi Yusuf al-Qaradawi*. Tesis Disertasi. Fakultas Syari'ah, dan Hukum, Universiti Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau.
- Shamsul Amri Baharuddin. 2012. *Modul Hubungan Etnik*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Sri Maullasari. 2018. Metode Dakwah Menurut Jalaluddin Rakhmat Dan Implementasinya Dalam Bimbingan Dan Konseling Islam (BKI). Tesis Sarjana, Jurusan Bimbingan dan Penyuluhan Islam, Universiti Islam Negeri Walisongo.
- Tata Sukayat. 2009. *Quantum Dakwah*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Zulkifli Hasan. 2013. Yusuf al-Qaradawi dan Sumbangan Pemikirannya. *Jurnal GJAT*, 3(1): 51.